

Cari jalan atasi banjir

Adun minta Prasarana bantu masalah di Kampung Kuala Sungai Baru

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUCHONG – Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) digesa mencari kaedah yang berkesan bagi menyelesaikan isu banjir di Kampung Kuala Sungai Baru.

Masalah limpahan air dari tapak projek didakwa berlaku selepas pihak itu menjalankan kerja pembinaan landasan transit aliran ringan (LRT) berdekatan kampung tersebut.

Adun Kinrara, Ng Sze Han berkata, hampir 10 rumah ditenggelami air setiap kali hujan lebat melanda.

Ia dipercayai berpunca daripada kolam takungan dibina kontraktor pembinaan LRT yang tidak dapat menampung jumlah air hujan.

“Bila hujan lebat, pasti ada rumah yang tenggelam hampir satu meter, saya minta Prasarana ambil berat mengenai isu ini,” katanya.

Beliau turut meminta kontraktor utama itu membayar pampasan atas kerugian ditanggung penduduk yang



Limpahan air dari tapak projek didakwa menyebabkan beberapa rumah di Kampung Kuala Sungai Baru sering ditenggelami air apabila hujan lebat.

terjejas setiap kali banjir berlaku.

Dalam isu berbeza, Sze Han berkata, masalah kekurangan bekalan elektrik di kampung sama dijangka selesai apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjanji akan membina sebuah mini sub stesen hujung tahun ini.

Peningkatan jumlah perumahan katanya, menjadi punca bekalan

elektrik kurang dan sering berlaku litar pintas di beberapa rumah penduduk.

“Perkara ini sudah dibincangkan dengan TNB, memang ada peruntukan untuk tambah bekalan elektrik, tapak untuk bina sub stesen pun dah dikenal pasti. Hanya tunggu projek dilaksanakan,” katanya.

Pupuk silaturahim

KUALA LUMPUR - Program sukaneka yang dianjurkan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 8 Parlimen Bandar Tun Razak di PPR Kampung Muhibbah baru-baru ini, mendapat sambutan lebih 500 pengunjung yang terdiri daripada penduduk setempat di 50 taman perumahan di bawah naungan MPP berkenaan.

Selain acara sukaneka, program turut diwarnai dengan gerai jualan berasaskan makanan tempatan, buah-buahan, serta kosmetik.

Manakala agensi-agensi kerajaan

seperti AADK Cheras, Pasukan Bomba Bukit Jalil, Kaunter SPR termasuk kolej-kolej swasta turut mengadakan pameran.

Penganjuran program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim sesama penduduk tanpa mengira kaum dan bangsa.

Majlis dirasmikan Ketua Puteri Wilayah, Sharifah Aminah Syed Mohssain yang turut turun padang bersama ahli-ahlinya sepanjang program itu. Program turut diselitkan dengan Ziarah Kasih ke rumah ahli-ahli yang dipilih.

